

Headline **Penularan penyakit tibi semakin membimbangkan**
Date **07 May 2011**
MediaTitle **Kosmo**
Section **Negara**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **115,967 / 406,000**

Language **Malay**
Page No **3**
Article Size **113 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **982**
PRValue **2,946**



Penularan penyakit tibi semakin membimbangkan

PASIR PUTEH - Penularan penyakit tibi di seluruh negara kini semakin membimbangkan berikutan peningkatan jumlah pesakit HIV dan diabetes, kata Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin.

Beliau berkata, golongan muda yang menghidap HIV akibat penyalahgunaan dadah dan pesakit diabetes dalam kalangan orang dewasa berisiko tinggi menghidap penyakit itu.

"Kita sedang mengambil langkah membendungnya supaya ia tidak sampai ke tahap yang tidak dapat dikawal," katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat perwakilan Pergerakan Puteri UMNO Bahagian Pasir Puteh di sini semalam.

Mesyuarat itu dihadiri hampir 400 ahli daripada 76 cawangan Puteri UMNO.

Rosnah yang juga Ketua Pergerakan Puteri UMNO berkata, langkah yang diambil termasuk mewajibkan pesakit terbabit datang ke hospital kerajaan setiap hari untuk rawatan selain menjalankan ujian saringan terhadap mereka yang berisiko dijangkiti.

Beliau memberitahu, Kelantan antara negeri dengan jumlah pesakit tertinggi kerana penghidap HIV dan diabetesnya adalah yang paling ramai sebelum ini.

Rosnah berkata, kempen mengenai tibi akan dipertingkatkan di seluruh negara pada tahun ini bagi menyedarkan orang ramai tentang bahaya penularan penyakit tersebut.

Ujarnya, ini bagi menggalakkan orang ramai agar menjaga kebersihan diri dan sekitar rumah, amalan pemakanan sihat, banyak bersenam serta berwaspada apabila menghadiri perhimpunan.



ROSNAH